

NEW DELHI, 14 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa Amerika Syarikat, apabila menentang cadangan Perundingan Ekonomi Asia Timur, telah menggunakan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik untuk mengimbangi pengaruh Kesatuan Eropah.

Ini bukan objektif asal Apec, tetapi AS menggunakan pertubuhan itu untuk faedah mereka sendiri dan, "kami tidak boleh menjadi sebahagian daripada tindakan mereka," katanya ketika menjawab solan daripada ahli perniagaan semasa dialog yang dihadiri oleh ahli perniagaan Malaysia dan India di sini hari ini.

Menjawab solan yang diajukan oleh ahli perniagaan India di dialog tersebut, Dr Mahathir berkata Malaysia telah mewujudkan hubungan perdagangan dengan EC dan memperolehi beberapa laluan dalam EC disebabkan oleh taraf status negara membangun.

"Jadi hubungan kami dengan Apec tidak begitu baik, dan kami berharap mereka akan kembali kepada objektif asal."

"Sebaliknya, di mesyuarat Apec di Seattle, salah seorang perwakilan Asia menyuarakan bahawa tidak ada sebarang kumpulan rasmi dalam Apec," katanya.

Malaysia merupakan anggota Asean, sekumpulan negara yang lemah yang cuba menyuarakan pandangan mereka dengan berkumpul bersama supaya ikatan mereka kukuh kerana mereka menawarkan pasaran yang agak besar, kata Dr Mahathir.

"Apabila Apec dicadangkan, kami khuatir kehadiran kuasa ekonomi yang besar dalam kumpulan tersebut, dan Asean mungkin kehilangan kumpulannya dan kepentingan kami mungkin ditolak terutamanya dengan negara seperti AS dan Jepun berada di dalamnya."

"Kami agak keberatan untuk turut serta pada awal lagi tetapi kami diberi jaminan bahawa ini bukan kumpulan rasmi tetapi cuma kumpulan perundingan yang dirancang bagi membantu negara-negara membangun untuk bersaing selari dengan negara maju," katanya, sambil menambah bahawa bagaimanapun, mereka memutuskan untuk mengadakan pertemuan rasmi dengan mewujudkan Sekretariat, kumpulan berstruktur di mana pandangan negara-negara Asean mungkin hilang.

"Malah inilah yang telah terjadi. Apabila mesyuarat ketua kerajaan akan diadakan, ia tidak dicadang oleh Apec, tetapi Presiden Amerika Syarikat yang mencadangkannya selepas mesyuarat Kumpulan negara Tujuh," katanya.

Itu sahaja, menurut Dr Mahathir, menunjukkan peranan yang utama dimainkan oleh Presiden Amerika Syarikat di Apec, tetapi masih banyak yang bersetuju untuk menghadiri mesyuarat tersebut di Seattle.

Malaysia berpendapat bahawa jika ingin diadakan mesyuarat ketua kerajaan, ianya harus diputuskan oleh kumpulan Apec untuk membincangkan kelebihan dan kekurangan mesyuarat seperti itu, bukan dibuat oleh hanya keputusan perseorangan.

"Saya pasti jika saya yang mencadangkan mesyuarat ketua negara Apec diadakan di Kuala Lumpur, tidak ada orang akan datang," katanya dalam nada bersejoroh.

Ditanya mengenai daya penarik pelabur asing melabur ke Malaysia, Dr Mahathir berkata ianya disebabkan oleh kestabilan politik, yang bermakna pelabur berharap dasar akan berterusan dalam tempoh tertentu sebelum mereka mendapat semula keuntungan pelaburan.

"Kepastian adalah nilai perniagaan, jika anda melabur wang hari ini, dalam 10 tahun, anda memberitahu mereka bahawa mereka berupaya mendapat sedikit keuntungan, jadi mereka akan melabur," katanya.

Para pelabur asing tidak berminat melabur wang mereka dalam negara yang tidak stabil, yang menukar dasar pelaburannya apabila mereka bertukar kerajaan dan kerajaan baru memutuskan memperbadankan industri, tambahnya.

Kepastian merupakan aset terpenting yang Malaysia miliki. Sudah tentu kos kita lebih rendah daripada negara di Eropah atau Jepun, dan kita mempunyai tenaga kerja yang baik, berpelajaran dan berupaya mengikut arahan dalam bahasa Inggeris, dan mereka tidak banyak mengadakan mogok," katanya.

-- Bernama